

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[ JELEBU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh pihak Kementerian dalam bekerjasama dengan negara lain untuk tujuan penghasilan vaksin COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Malaysia untuk mendapatkan bekalan vaksin COVID-19 secara bilateral (G2G, B2B) dan multilateral, pemilihan vaksin melalui Jawatankuasa Khas Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) yang ditubuhkan pada 14 Oktober lalu juga telah menekankan elemen nilai tambah ketika proses rundingan pemilihan vaksin. Hal ini bagi memastikan pembangunan keselamatan dan kemandirian negara sebagai persediaan sekiranya berlaku pandemik dan jangkitan baharu. Beberapa syarikat farmaseutikal luar negara telah menyatakan minat untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi pembotolan bagi peringkat *fill and finish*. Terdapat juga syarikat yang telah menyatakan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam bidang penyelidikan (R&D) dan juga dalam pembuatan vaksin untuk jangka masa panjang. Kerajaan sedang meneliti semua tawaran yang diberikan secara terperinci.

Pada 18 November 2020, Malaysia dan China telah memeterai perjanjian bagi memperkukuhkan kerjasama pembangunan vaksin selain berkongsi

kepakaran dan teknologi dalam pembangunan vaksin COVID-19. Perjanjian itu turut memperuntukkan untuk memberikan akses keutamaan kepada Malaysia dalam mendapatkan bekalan vaksin yang dibangunkan oleh China termasuk perkongsian maklumat dan kepakaran serta keupayaan saintifik dan teknologi dalam memajukan pembangunan vaksin di kedua-dua negara. Usaha sama ini juga dilihat sebagai salah satu langkah jangka masa panjang bagi pembangunan vaksin untuk manusia dijalankan dalam penghasilan pelbagai vaksin yang berkesan dan halal di Malaysia pada masa hadapan. Perjanjian Kerjasama ini juga bertujuan untuk memudahkan perolehan vaksin dari syarikat-syarikat pengeluar vaksin dari negara China menggunakan pendekatan *Government to Government* (G2G). Pada 27 November 2020, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menjalankan ujian klinikal fasa 3 untuk vaksin COVID-19 yang pertama daripada Institute of Medical Biology, Chinese Academy of Medical Sciences (IMBCAMS).

MOSTI juga telah mengambil inisiatif untuk menyertai CEPI bagi membolehkan Malaysia mendapat akses kepada pembangunan vaksin, pemindahan teknologi dan kepakaran baharu kepada penyelidik tempatan. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk Malaysia menyertai inisiatif *Malaysia-CEPI Joint Program for Capacity Building & Technology Transfer* dalam bidang R&D, ujian klinikal di Malaysia ke atas calon vaksin COVID-19 yang dibangunkan oleh CEPI dan pengujian calon vaksin tempatan ke atas COVID-19. Kuantum dan terma sumbangan dan penyertaan Malaysia dalam CEPI akan diperhalusi menerusi perjanjian *Bilateral Investor Agreement* yang dicadang dimeterai di antara kedua-dua pihak. Faedah yang diperolehi oleh Malaysia dengan menyertai platform CEPI adalah :

- (i) keutamaan diberikan kepada negara-negara anggota CEPI untuk menyertai ujian pra-klinikal dan ujian klinikal vaksin baharu terutamanya apabila berlakunya sesuatu wabak;
- (ii) akses kepada data-data penyelidikan R&D berkaitan penghasilan vaksin yang dibiayai oleh CEPI (sebagai contoh penyelidikan vaksin kumpulan penyelidik Universiti Oxford); dan

- (iii) peluang berinteraksi bersama pakar-pakar penyelidikan pembangunan vaksin daripada seluruh dunia.

Kolaborasi sebegini penting dalam menggerakkan hubungan diplomatik negara bagi memastikan Malaysia diberi keutamaan serta dilibat sama dalam proses penghasilan vaksin. **Diplomasi sains** melalui jaringan antarabangsa ini diharap dapat mengurangkan tempoh menunggu bagi Malaysia mendapatkan vaksin.

Selain itu, MOSTI juga telah menawarkan skim dana baharu iaitu MOSTI Combating COVID-19 Fund (MCCOF) yang menggalakkan projek R&D&C&I dalam memerangi dan mengawal wabak COVID-19. MOSTI telah meluluskan dua (2) projek menerusi MCCOF ini yang berjumlah RM2.1 juta kepada Universiti Malaya (UM) dan RM2.5 juta kepada Universiti Putra Malaysia bagi pembangunan vaksin COVID-19. MOSTI berharap inisiatif MCCOF ini menjadi satu platform bagi penciptaan vaksin tempatan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan bekalan vaksin dari luar negara yang melibatkan kos yang tinggi.

Sekian, terima kasih.